

Malam Puisi Riong BH-UMS

isi sambutan jubli emas

BH 9.9.2013 3

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan meraikan sambutan 50 tahun Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia dengan acara apresiasi puisi, Malam Puisi Riong, di pekarangan Dewan Canselor, UMS, Kota Kinabalu, pada 11 September, jam 7:30 malam.

Acara anjuran bersama Jabatan Canselori UMS dengan BH mengangkat tema Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat Sabah bahawa mereka adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia sejak 16 September 1963.

Malam itu akan diserikan dengan deklamasi dan nyanyian puisi moden mahupun tradisional, selain persembahan muzik istimewa daripada kalangan penyair handalan Negeri Di Bawah Bayu, mahasiswa UMS dan tokoh sastera hebat dari Semenanjung.

Sajen curi hati khalayak

Persembahan yang pasti mencuri hati khalayak nanti adalah sajak jenaka atau singkatannya sajen yang akan disampaikan penulis yang juga Pensyarah Fakulti Pengajian Seni, UMS, Mohammad Fuad Bebit.

Jika di semenanjung, persembahan puisi unik sering dikaitkan dengan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2005, Abdul Ghafar Ibrahim atau AGI dengan konsep tri-v, iaitu verbal, visual dan vokal, Fuad pula kerana puisi jenaka yang sinis dengan bahasa mudah.

"Saya begitu mengagumi AGI yang berani membawakan konsep puisi berlainan daripada penyair lain, malahan gaya persembahannya yang unik antara daya tarikan untuk masyarakat mula melihat puisi sebagai satu wadah hiburan bermanfaat.

"Saya mula serius dalam penulisan dan gaya persembahan sajak jenaka atau sajen ini sejak era 90-an dan ternyata ia dapat diterima semua generasi termasuk orang muda yang mahukan sesuatu yang ringan lagi mudah difahami," katanya kepada Sastera BH ketika dihubungi.

Beliau yang gemar menggunakan unsur haiwan sebagai metafora dalam puisi, akan menyampaikan sajak menge-nai katak yang

dikaitkan dengan kehidupan manusia yang dulunya terkurung, tetapi kini sudah bebas lagi berani ke depan.

"Karya ini melayakkan puisi saya mendapat tempat di Sabah kerana keunikannya yang memberi kesedaran dalam gelak tawa khalayak, tetapi serentak itu mereka diajak memikirkan hala tuju dalam kehidupan.

"Saya yang juga akan bertindak sebagai pengacara pada malam itu, bakal membuat persembahan secara santai ketika mendeklamasikan puisi yang sarat dengan pergerakan lucu menggunakan tubuh dan mimik muka," katanya.

Persembahan solo Sani Sudin

Penyanyi lagu puisi, Sani Sudin, antara penghibur dari Kuala Lumpur yang akan diterbangkan ke Sabah bagi memeriahkan Malam Puisi Riong BH-UMS, akan membuat persembahan secara solo sambil memetik gitar ukulele.

"Saya belum merancang judul lagu yang akan disampaikan. Biarlah ia menjadi rahsia dulu, tetapi mungkin pemilihan lagu berdasarkan suasana acara dan khalayak yang hadir pada malam terbabit.

"Peminat lagu puisi yang ingin melihat saya menyanyi dengan diiringi alat muzik ukulele marilah datang beramai-ramai ke majlis ini bagi memeriahkan lagi acara Malam Puisi Riong BH-UMS ini," katanya yang gembira kerana berpeluang menghiburkan masyarakat sekitar Kota Kinabalu dan pelajar UMS.

Turut diturunkan ke Kota Kinabalu ialah AGI dan penulis, pelakon dan aktivis teater tersohor, Khalid Salleh.

The poster features the UMS logo at the top left and the BH Berita Harian logo at the top right. The central text reads: "11 September 2013 7:30 malam", "Perkarangan Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS)", "Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia". At the bottom left is a portrait of Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, with the caption "Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah". The background of the poster shows a person playing a guitar.